Eastel
Anchor Communications Sdn. Bhd.
202401020764 (1566613-W)
Unit 16-01, Level 16, Mercu Aspire Tower, No. 3,
Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 W.P. Kuala Lumpur.
www.eastel.com.my
+6011-6160 1220

*Reference: EST-OM-002-BM/2026*
**Date:** 1st March 2026
**To:** **EASTELPRENEUR Nation**

**Perkara: Gambaran Keseluruhan EASTELPRENEUR – Bonus Penyertaan**

## 1. Gambaran Keseluruhan

Kempen ini menyediakan bonus tambahan kepada EASTELPRENEUR yang aktif mengembangkan rangkaian mereka.

## Jadual Pembayaran Bonus:

| Tier | Jumlah pendaftaran dengan **minimum RM 35 tambah nilai* (Bulanan)** | Bonus Nombor Telefon Baru | Bonus Nombor Telefon **MNP** |
|---|---|---|---|
| **A** | **1 – 10** | **RM 8** | **RM 13** |
| **B** | **11 – 30** | **RM 9** | **RM 14** |
| **C** | **31 – 50** | **RM 10** | **RM 15** |
| **D** | **51 – 100** | **RM 11** | **RM 17** |
| **E*** | **101 & seterusnya** | **RM 13** | **RM 20** |

** Tier E adalah kempen promosi selama 12 bulan*
** Tambah nilai Minima – RM 35, satu transaksi dalam bulan kalendar yang sama*

## Senario:

| Senario | Syarat | Tier Digunakan | Pengiraan | Jumlah Bonus |
|---|---|---|---|---|
| **Senario A** | • 3 pelanggan berdaftar<br>• Hanya 2 pelanggan layak (SIM aktif + tambah nilai RM 35 dalam bulan yang sama) | **Tier A** (1–10) | 2 nombor baharu layak × RM 8 | **RM 16** |
| **Senario B** | • 33 nombor **MNP** (semua layak dengan tambah nilai RM 35) | **Tier D** (51–100)<br>untuk jumlah kedua-dua kategori | **MNP**: 33 × RM 17 = RM 561 | **RM 825** (RM 561 + RM 264) |

Eastel
Anchor Communications Sdn. Bhd.
202401020764 (1566613-W)
Unit 16-01, Level 16, Mercu Aspire Tower, No. 3,
Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 W.P. Kuala Lumpur.
www.eastel.com.my
+6011-6160 1220

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | • 24 nombor baharu (semua layak dengan tambah nilai RM 35)<br>• Jumlah: 57 pelanggan layak | | **Nombor Baharu**: 24 × RM 11 = RM 264 | |
| **Senario C** | • 33 nombor **MNP** berdaftar<br>• Tiada yang melakukan tambah nilai RM 35 dalam bulan yang sama | **Tiada pengguna yang berjaya melengkapkan tambah nilai RM 35** | **Tidak layak untuk bonus** | **RM 0** |

## 2. Terma & Syarat

a) Bonus tersebut hanya akan dibayar sekiranya kedua-dua **pengaktifkan** dan **tambah nilai** disempurnakan dalam bulan kalendar yang sama.

b) Jumlah bonus yang dipaparkan dalam Aplikasi atau Portal EASTEL adalah anggaran masa nyata; namun, **jumlah akhir** yang layak **hanya akan disahkan** pada **akhir bulan**.

c) Pengiraan kempen ini akan ditetapkan semula setiap bulan.

d) Sekiranya permohonan **MNP** dikemukakan dalam **satu bulan kalendar** tetapi port-in **hanya berjaya diselesaikan pada bulan kalendar berikutnya**, EASTELPRENEUR hendaklah **memenuhi syarat tambah nilai dalam bulan kalendar** di mana port-in berjaya berlaku untuk melayakkan untuk bonus dan insentif.

e) Bonus onboarding ini **TIDAK** boleh ditukar kepada **eCOMM** dan **TIDAK** layak untuk kenaikan **ranking EASTELPRENEUR**.

f) **Tier E* adalah kempen promosi selama 12 bulan bermula dari tarikh pengeluaran memo ini.

g) EASTELPRENEUR hendaklah **memenuhi** keperluan **Minimum Monthly Personal Reload** (**MMPR**) mengikut **pangkat masing-masing**, sama ada melalui tambah nilai **terkumpul** atau **satu denominasi** tambah nilai dalam bulan kalendar, untuk melayakkan diri menerima bayaran bonus dan insentif:

   I. Elite Member: **RM 35**
   II. Ambassador: **RM 60**
   III. Senior Ambassador: **RM 80**

h) EASTELPRENEUR mestilah berada dalam status **AKTIF** untuk menerima bonus dan insentif.

i) Warganegara Malaysia mestilah mendaftar menggunakan dokumen pengenalan diri yang dibenarkan oleh **MCMC** (iaitu: **MyDigital ID / MyKad / MyPR / MyKAS / MyTentera)**.

j) Bukan warganegara Malaysia mesti menyediakan **pasport yang sah**.

k) Jika EASTELPRENEUR gagal **memenuhi keperluan minimum tambah nilai peribadi bulanan (Monthly Minimum Personal Reload)**, bonus dan insentif bulan **tersebut akan terbatal**.

Eastel
Anchor Communications Sdn. Bhd.
202401020764 (1566613-W)
Unit 16-01, Level 16, Mercu Aspire Tower, No. 3,
Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 W.P. Kuala Lumpur.
www.eastel.com.my
+6011-6160 1220

l) Perkhidmatan ini terbuka kepada individu berumur **12 tahun ke atas**, namun pembayaran bonus dan insentif hanya layak untuk individu berumur **18 tahun ke atas.**
m) Bonus dan insentif akan dibayar pada **18 hari bulan bulan berikutnya**.
n) EASTELPRENEUR dikehendaki **mengaktifkan** EASTEL Wallet untuk menerima bonus dan insentif. Sekiranya EASTEL Wallet **gagal** diaktifkan, bonus dan insentif tersebut akan **dibawa ke hadapan sehingga** EASTEL Wallet berjaya **diaktifkan**.
o) Semua bonus dan insentif akan dikreditkan ke dalam EASTEL Wallet. Fi pemprosesan sebanyak **RM 2** akan ditolak daripada setiap pembayaran.
Contoh: *Jika jumlah bonus + insentif yang perlu dibayar ialah RM 200, maka EASTELPRENEUR akan menerima RM 198 di dalam EASTEL Wallet.*
p) Sekiranya jumlah pembayaran melebihi **RM 20,000**, hanya amaun yang melebihi **RM20,000** akan dikreditkan ke akaun bank yang ditetapkan.
q) Had minimum bayaran bonus dan insentif ialah **RM 30 dan ke atas**.
r) Bonus dan insentif tersebut akan terus dikumpulkan sehingga mencapai had minimum **RM 30**. Setelah had minimum tersebut dicapai, bonus dan insentif bagi semua bulan terkumpul akan dibayar sekali gus dalam satu bayaran pukal. Senario adalah seperti berikut:
    I. Bulan 1: (**MMPR**) dipenuhi, tetapi bonus + insentif kurang daripada **RM 30** → dibawa ke hadapan
    II. Bulan 2: (**MMPR**) dipenuhi, tetapi bonus + insentif kurang daripada **RM 30** → dibawa ke hadapan
    III. Jika syarat bagi Bulan 3 dipenuhi dan jumlah bonus serta insentif melebihi **RM 30** dalam bulan tersebut, bayaran bagi Bulan 1 hingga Bulan 3 akan dibuat dalam satu bayaran gabungan, dengan syarat (**MMPR) tambah nilai** dipenuhi bagi setiap bulan tersebut (**3 bulan × Monthly Minimum Personal Reload**).
s) EASTELPRENEUR hendaklah memastikan pendaftaran mereka adalah sah serta bebas daripada penipuan, pemalsuan, atau pelanggaran mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh **MCMC** atau mana-mana pihak berkuasa tempatan.
t) Penipuan, penyalahgunaan, atau aktiviti tidak teratur boleh menyebabkan bonus dan insentif **digantung** atau **dilucuthakkan**.
u) Sebarang salah laku atau pelanggaran peraturan boleh mengakibatkan **penamatan status EASTELPRENEUR serta pelucutan semua bonus dan insentif.**
v) Bonus dan insentif ini tidak terpakai bagi **BRN** dan aktiviti berkaitan projek.
w) Sekiranya terdapat percanggahan antara versi terjemahan dan versi Bahasa Inggeris, **versi Bahasa Inggeris** akan diguna pakai.
x) EASTEL berhak pada bila-bila masa untuk meminda, mengemas kini, menggantung, menghentikan atau menamatkan mana-mana bahagian bonus, insentif atau kempen ini tanpa notis awal. Penyertaan berterusan akan dianggap sebagai penerimaan terhadap terma dan syarat terkini.

Eastel
Anchor Communications Sdn. Bhd.
202401020764 (1566613-W)
Unit 16-01, Level 16, Mercu Aspire Tower, No. 3,
Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 W.P. Kuala Lumpur.
www.eastel.com.my
+6011-6160 1220

Tukarkan setiap pengaktifan kepada peluang, dan setiap tambah nilai kepada kemajuan. Inilah masa anda untuk menyerlah, menjana pendapatan dan mencapai kejayaan. Mari kita bangkit bersama sebagai satu keluarga EASTEL.

Terima kasih atas sokongan dan kerjasama berterusan anda. Untuk sebarang pertanyaan, sila WhatsApp kami di: **+6011-6160 1220**

Salam Hormat,

Darren Lim
Ketua Pembangunan Komuniti